

Perhebat jalin kerjasama erat dengan UMS bantu pesara tentera

UB 16.12.2017 A3

Oleh SADDAM EDRIS

KOTA KINABALU : Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (Perhebat) akan terus bekerjasama erat dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan pihak berkepentingan lain bagi membantu ahli tentera di Sabah mendapatkan peluang pekerjaan kedua apabila

bersara kelak.

Ketua Pengarah Perhebat Ahmad Tajudin Jafar berkata, kolaborasi itu penting memandangkan banyak bidang yang berpotensi belum diterokai oleh pesara tentera.

“Kerajaan negeri dan UMS banyak membantu Perhebat dan sudah tentu kita akan terus eratkan kerjasama ini demi membantu pesara tentera mendapatkan kerja,

dana, geran dan sebagainya apabila bersara.

“Kita yakin dengan kejayaan yang diperolehi melalui kerjasama ini, anak jati Sabah khususnya akan mendapat peluang yang luas dan terbuka dalam pelbagai bidang ekonomi untuk mereka ceburi nanti,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penutupan Kursus Pra

Peralihan Bakal Pesara Tentera siri keempat, di sini pada Jumaat.

Tajudin berkata, pihaknya akan terus mencari idea baharu seterusnya mendedahkan kepada bakal pesara tentera mengenai pelbagai bidang baharu termasuklah perusahaan foodtruck dan On Wheel yang masih baru berkembang di negeri ini.

Katanya, kerancangan mengusahakan peniagaan sedemikian juga adalah bersesuaian dengan pemekatan sektor pelancongan yang menjadi penyumbang kepada pendapatan masyarakat tempatan di negeri ini.

Selain itu, beliau juga sempat mengingatkan bakal pesara tentera supaya bijak memilih kursus yang disertai yang semakin banyak ditawarkan oleh pelbagai pihak di luar sana.

Hal ini kerana katanya, masih ada anggota tentera yang memilih kursus kaedah sambil bekerja yang mana kumpulan itu akan menghadapi kepayahan

mendapatkan peluang pekerjaan apabila bersara nanti.

“Kumpulan ini akan menghadapi kesulitan untuk mendapatkan pekerjaan di mana-mana syarikat luar disebabkan ketiadaan sijil kemahiran dan sebagainya.

“Justeru, kita mahu bakal pesara ini faham dan bijak memilih kursus atau bidang yang memiliki pasaran kerja yang terbuka luas yang mana menjadi tujuan kursus pra peralihan ini dianjurkan oleh Perhebat,” katanya.

Sementara itu Pengurus Perhebat Sabah merangkap tenaga pengajar Kursus Pra Peralihan Mazlan Ahmad berkata, seramai 75 peserta terdiri dari bakal pesara tentera laut, darat dan udara menyertai kursus itu yang berlangsung selama lima hari di UMS.

Katanya, penganjuran kursus sedemikian seharusnya direbut oleh semua bakal pesara tentera bagi mendapatkan penjelasan terperinci mengenai hala tuju setelah bersara nanti.



TETAMU kehormat yang hadir turut berkesempatan merakam gambar kenangan di hadapan lori Food Truck yang dimiliki oleh Perhebat.